

Penerapan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya Bagi Kemahiran Lisan Melalui Penggunaan ICT

Sabariah Mohd Samuni

sabariah_mohamed_samuni@schools.gov.sg

Noor Aini Jamin

noor_aini_jamin@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Juying

Abstrak

Kemahiran berfikir merupakan salah satu aspek yang penting dan harus diberikan perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Murid perlu diasah untuk berfikir secara aktif, kritis dan kreatif. Kemahiran yang diperoleh murid kelak boleh diaplikasikan dalam apa jua mata pelajaran atau situasi kehidupan. Memandangkan murid juga lebih cenderung menggunakan ICT, kajian ini telah memanfaatkan penggunaan portal iMTL sebagai bahan sokongan untuk menggalakkan kebiasaan berfikir. Kajian tentang penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (*See-Think-Wonder*) telah dijalankan bersama murid-murid Darjah 3 dalam pembelajaran lisan khususnya perbualan berdasarkan gambar. Hasil dapatan menunjukkan murid lebih yakin untuk meluahkan pendapat secara kritis, kreatif dan logikal.

Kata Kunci: rutin berfikir, pembelajaran lisan, penerapan ICT

PENGENALAN

Sejajar dengan Kecekapan Abad ke-21 dan Hasil Pendidikan yang Diingini, antara kemahiran yang perlu dikuasai murid ialah kemahiran berfikir secara kritis dan inventif. Mereka harus mempunyai keinginan untuk belajar, meneroka dan mengemukakan pendapat yang berbeza. Pendekatan rutin berfikir memperlihatkan proses kognitif pemikiran seseorang. Antara strategi yang diaplikasikan dalam pengajaran lisan ialah strategi Lihat-Fikir-Tanya (*See Think Wonder*). Strategi rutin berfikir ini telah menjana dan menggalakkan pemikiran yang lebih kritis, kreatif dan logikal. Proses pemikiran dalam minda murid dapat dilihat dengan lebih jelas dan nyata apabila murid mengaplikasikannya melalui portal iMTL.

Portal iMTL digunakan sebagai alat bantu mengajar ICT untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran strategi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Kepentingan ICT ini jelas dinyatakan dalam pelan induk ICT atau *Masterplan 4* yang berfokus pada pembelajaran bermutu dan pembelajaran berpusatkan murid. Penggunaan portal ini juga menggalakkan pembelajaran secara sendiri dan kolaboratif. Para guru telah melakarkan rancangan pengajaran yang sesuai berdasarkan keupayaan murid agar mereka dapat belajar dengan lebih berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Murid Darjah 3 masih belum lagi mempunyai kebolehan untuk memberikan pendapat berdasarkan gambar dengan baik sewaktu ujian lisan. Berdasarkan keputusan peperiksaan pertengahan tahun (SA1) bagi murid Darjah 3 tahun 2018, hanya 43.3% orang murid mendapat markah berkualiti bagi bahagian Perbualan Berdasarkan Gambar. Tinjauan guru-guru menunjukkan bahawa murid tidak dapat memberikan pendapat dengan baik disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor kosa kata yang terhad dan struktur ayat yang tidak teratur. Murid hanya melihat dan meneliti gambar pada tahap luaran sahaja dan tidak dapat berfikir secara mendalam tentang apa yang telah atau akan berlaku seterusnya.

Murid perlu dididik dan dilatih untuk berfikir dengan lebih kritis agar dapat menyuarakan pendapat dengan lebih bernas tentang gambar lisan yang diberikan. Kemahiran ini penting agar mereka dapat mempersiapkan diri untuk menghadapi ujian lisan di peringkat Darjah 5 dan 6. Oleh itu, pengkaji menggunakan strategi rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya untuk membina kemampuan murid berfikir dengan lebih berstruktur bagi memudahkan mereka menyuarakan pendapat dengan lebih yakin dan berkesan.



TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid menyuarakan pendapat berdasarkan gambar;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya; dan
3. menggalakkan pembelajaran sendiri dan kolaboratif melalui penggunaan portal iMTL.

KAJIAN LEPAS

Dapatan kajian projek '*Cultures of Thinking*' oleh Perkins, Turner, Hadar dan Richtart (2005) menekankan bahawa kesedaran murid tentang rutin berfikir dapat meningkatkan lagi pemahaman mereka tentang tajuk yang dibincangkan. Hal ini juga dapat merangsang murid untuk melihat sesuatu perkara dari sudut pandangan yang berbeza dan mereka juga dapat mengaitkan perkara tersebut dengan pengetahuan sedia ada.

Ron Richtart, Mark Church dan Karin Morrison (2011) menyatakan bahawa teknik-teknik penyoalan juga memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan murid berfikir dengan lebih jelas. Guru boleh mengajukan soalan-soalan panduan yang konstruktif untuk membimbing dan menggalakkan murid menjana lebih banyak idea.

Kajian daripada Amalan Pengajaran Singapura (2018) menegaskan bahawa bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) termasuk penggunaan ICT merupakan bahan pengajaran yang menyokong strategi PdP. Guru boleh menggunakannya untuk membina pelajaran yang melibatkan murid dan meningkatkan rasa seronok dalam proses pembelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya digunakan dalam pengajaran lisan untuk meningkatkan kemahiran murid memberikan pendapat yang bernas bagi bahagian perbualan berdasarkan gambar. Kaedah pengajaran yang diaplikasikan ialah kaedah pengajaran secara eksplisit. Kaedah pengumpulan data dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif, dan diukur melalui hasil kerja murid, pemantauan guru terhadap respons murid dalam melaksanakan rutin berfikir dan ujian semester.



Amalan Pengajaran Singapura (STP) juga diterapkan dalam menjalankan kajian ini. Penekanan diberikan pada memberikan penerangan yang jelas, menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran, dan memantau pemahaman murid dan memberikan maklum balas. Berikut merupakan penerangan ringkas berkaitan penerapan STP.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> <p>AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran</p>	<p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara AM ini memberi gambaran bagaimana murid dapat menggunakan rutin berfikir semasa berbual berdasarkan gambar</p> <p>AM1: Rangkaian IRF - Mulakan-Respons-Maklum Balas AM ini menggalakkan dialog antara guru dan murid. Guru menggunakan soalan untuk mendapatkan dan membina perancah bagi meluaskan dan menjelaskan pemikiran murid.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	<p>AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas</p> <p>AP23: Menyokong Pembelajaran Secara Kendiri</p>	<p>AM4: Kongsi Pembelajaran Saya Guru dapat memantau pemahaman murid melalui maklum balas 'Exit Pass' yang dikongsi oleh mereka.</p> <p>AM1: Memamer Pemahaman Saya Melalui Peta Minda Dengan penggunaan portal iMTL, murid dapat mengaitkan pengetahuan sedia ada dan belajar secara sendiri.</p>



<p>Penerangan dan Justifikasi</p>	<p>Strategi pengajaran secara eksplisit “<i>I do, We do, You do</i>” dan teknik penyoalan amat penting dalam mengajar rutin berfikir kerana ia merupakan konsep yang perlu diajarkan kepada murid. Guru melakukan tunjuk cara pelaksanaan rutin berfikir ini sebelum melakukannya bersama murid dan seterusnya murid melakukan secara sendiri.</p> <p>Penggunaan soalan untuk memperdalam pelajaran menerusi teknik penyoalan IRF dapat menjana pemikiran dan menilai pemahaman murid.</p> <p>Penggunaan portal iMTL menyokong pembelajaran secara sendiri. Murid dapat merekod pendapat mereka tentang gambar yang diberikan dan guru boleh menyemak hasil kerja murid menggunakan portal tersebut.</p>
-----------------------------------	--

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan murid Darjah 3 yang terdiri daripada pelbagai aras keupayaan Subjek kajian terdiri daripada 15 orang murid yang tergolong pada aras keupayaan, dan 15 lagi daripada kumpulan yang melebihi aras keupayaan. Murid dari kumpulan pada aras keupayaan merupakan kumpulan eksperimental manakala murid yang melebihi aras keupayaan merupakan kumpulan terkawal. Kumpulan eksperimental merupakan kumpulan murid yang menggunakan portal iMTL sebagai bahan pengajaran rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Kumpulan terkawal pula merupakan murid yang menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya di dalam bilik darjah dengan menggunakan kaedah tradisional.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Praujian iaitu markah daripada ujian SA1;
2. Templat rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya;
3. Gambar-gambar untuk aktiviti lisan;
4. Fungsi merekod perbualan berdasarkan gambar dalam portal iMTL; dan
5. Pascaujian iaitu markah daripada ujian lisan SA2.

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan pada hujung penggal 3 dan awal penggal 4 pada waktu kurikulum. Masa 1 jam 30 minit diperuntukkan bagi setiap sesi pengajaran. Berikut merupakan langkah-langkah pengajaran yang telah dilaksanakan.

Minggu 1 dan 2

Guru yang mengajar kumpulan eksperimental dan kumpulan terkawal telah mendedahkan dan membimbing murid tentang cara menggunakan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Guru menerangkan objektif pembelajaran kepada murid untuk setiap pengajaran agar murid tahu secara sedar apa yang mereka perlu capai. Pengajaran telah dijalankan di bilik darjah. Dalam pengajaran permulaan ini, murid perlu tahu tentang rutin berfikir yang hendak dipelajari, rasional dan bagaimana rutin berfikir ini amat berguna kepada diri mereka. Guru menggunakan kaedah pengajaran secara eksplisit '*I Do, We Do, You Do*' kerana ini kali pertama mereka diajar rutin berfikir.

Dengan menggunakan unsur-unsur visual seperti gambar-gambar yang berkaitan dengan ruang lingkup topik pelajaran, murid dapat memberikan pendapat dan idea yang bernas. Perbincangan dijalankan secara berstruktur dan teratur dengan menggunakan templat Lihat-Fikir-Tanya seperti yang tertera dalam Jadual 2.

Jadual 2: Templat Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya

Saya Lihat...	Saya Fikir...	Saya Tanya...

Guru boleh menggunakan teknik-teknik penyoalan dan mengajukan soalan-soalan untuk memperdalam pelajaran dan menjana pemikiran murid seperti berikut:



Jadual 3: Templat Soalan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya

Lihat-Fikir-Tanya	Contoh-contoh soalan yang boleh guru ajukan
Saya Lihat...	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?
Saya Fikir...	<ul style="list-style-type: none"> • Mengapakah kejadian ini boleh berlaku?
Saya Tanya...	<ul style="list-style-type: none"> • Adakah dia telah melakukan sesuatu yang baik? Mengapa? • Adakah perbuatannya patut dicontohi? Mengapa? • Bagaimanakah perasaan orang itu? • Jika kamu berada dalam situasi itu, apakah yang akan kamu lakukan?

Pada minggu 1 dan 2, guru juga telah mengulangkaji cara murid perlu memberikan pendapat berdasarkan gambar secara berstruktur seperti yang terdapat dalam jadual berikut:

Jadual 4: Contoh Soalan dan Respons Murid

Proses rutin berfikir Lihat-Fkir-Tanya	Contoh-contoh soalan yang boleh guru ajukan	Respons murid terhadap gambar lisan
Saya Lihat...	<ul style="list-style-type: none"> • Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini? 	<p>Gambar ini menunjukkan satu situasi di...</p> <p>Saya lihat...</p>
Saya Fikir...	<ul style="list-style-type: none"> • Mengapakah kejadian ini boleh berlaku? 	<p>Pada pendapat saya, dia melakukan begitu kerana...</p>
Saya Tanya...	<ul style="list-style-type: none"> • Adakah dia telah melakukan sesuatu yang baik? Mengapa? • Adakah perbuatannya patut dicontohi? Mengapa? • Bagaimanakah perasaan orang itu? • Jika kamu berada dalam situasi itu, apakah yang akan kamu lakukan? 	<p>Perbuatannya patut / tidak patut dicontohi kerana...</p> <p>Saya rasa budak itu (perasaan)...kerana ...</p> <p>Jika saya berada di tempat itu, saya akan ...</p>

Murid daripada kumpulan terkawal telah meneruskan pembelajaran rutin berfikir di dalam bilik darjah. Antara aktiviti yang dijalankan di bilik darjah ialah aktiviti berkumpulan. Guru juga memperhalus pengajaran rutin berfikir semasa aktiviti lisan terutama dari segi struktur ayat dan penggunaan kosa kata yang betul.

Murid daripada kumpulan eksperimental telah ke makmal komputer untuk menggunakan portal iMTL bagi sesi pembelajaran dengan menggunakan rutin berfikir. Sebagai aktiviti susulan, murid dalam kumpulan eksperimental akan merekodkan penerangan dan pendapat mereka tentang gambar rangsangan bagi aktiviti lisan melalui portal tersebut. Gambar rangsangan lisan telah dimuatnaikkan oleh guru terlebih dahulu. Pengajaran eksplisit masih tetap dijalankan oleh guru kerana guru perlu menunjukkan cara-cara untuk merekodkan perbualan sebelum murid melakukannya secara sendiri.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan daripada praujian dan pascaujian adalah seperti berikut:

**Jadual 5: Dapatan Praujian dan Pascaujian
Peratusan Murid yang Mendapat 8 hingga 10 Markah**

Praujian (Ujian Lisan SA1)	Pascaujian (Ujian Lisan SA2)
26.7%	46.7%

Dapatan daripada praujian dan pascaujian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam jumlah murid dalam kumpulan eksperimental yang mendapat markah antara 8 hingga 10 semasa ujian SA2 dalam bahagian penerangan berdasarkan gambar. Daripada dapatan ini, kita boleh melihat bahawa dengan menggunakan rutin berfikir dan ICT pada masa yang sama dapat meningkatkan keupayaan murid dalam memberi pendapat mereka. Murid dapat mendengar semula rakaman pendapat mereka dan boleh memperbaiki cara mereka menyampaikan pendapat. Guru pula boleh memberi maklum balas yang lebih terperinci kerana dapat mendengar kesemua pendapat murid yang telah dirakamkan.



Jadual 6: Dapatan Praujian dan Pascaujian Kumpulan Terkawal Peratusan Murid yang Mendapat 8 hingga 10 Markah

Praujian (Ujian Lisan SA1)	Pascaujian (Ujian Lisan SA2)
36%	33.3%

Dapatan daripada praujian dan pascaujian menunjukkan bahawa berlaku penurunan dari segi jumlah murid yang mendapat markah 8 hingga 10 dalam bahagian penerangan berdasarkan gambar bagi kumpulan terkawal. Walaupun rutin berfikir telah digunakan seperti kumpulan eksperimental, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru berbeza. Kumpulan ini tidak menggunakan ICT langsung semasa menyampaikan pendapat mereka. Murid-murid kumpulan ini tidak dapat merakamkan pendapat mereka dan mendengar semula apa yang telah disampaikan. Murid tidak tahu kesilapan yang telah dilakukan atau bagaimana mereka boleh memperbaiki kelemahan mereka kerana tidak dapat mendengar semula penyampaian mereka.

Antara cabaran yang dihadapi sewaktu menjalankan kajian ini ialah masa yang diperuntukkan. Walaupun perancangan telah dilakukan lebih awal, namun makmal komputer tidak dapat digunakan seperti yang dirancang atas sebab peperiksaan PSLE dan juga ujian SA2 bagi peringkat lain.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan murid dalam memberikan pendapat berdasarkan gambar boleh ditingkatkan dengan penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Penggunaan rutin berfikir ini mempunyai potensi untuk membantu murid-murid dalam kumpulan pada aras kebolehan untuk memperbaiki kebolehan menginterpretasi dan memahami gambar sebagai bahan rangsangan pelajaran dan ujian. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru boleh menggalakkan pembelajaran sendiri dan kolaboratif dalam kalangan muurid melalui penggunaan portal iMTL. Rutin berfikir akan terus digunakan apabila murid naik ke Darjah 4. Murid akan menggunakan portal iMTL sebagai satu cara untuk mempertingkatkan pembelajaran mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Norly Abdullah
2. Nur Sahira Roslan

RUJUKAN

Ron Ritchhart, Mark Church, Karin Morrison (2011). *Making Thinking Visible*.
United States: Jossey-Bass.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*.
Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Singapore Teaching Practice Opal website: <https://opal.moe.edu.sg/stp/pedagogical-practices/lesson-preparation/deciding-on-teaching-aids-and-learning-resources>.

